

## METODOLOGI DAKWAH BIL HIKMAH TERHADAP SAUDARA BARU DI PERKIM BAHAGIAN MELAKA

**Mahmood Sabtu\***

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Mohd Nazli Omar**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: mahmood@unimel.edu.my

### **Article history:**

*Received : 4 Mei 2023*

*Accepted : 22 Jun 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Saudara baru merupakan gelaran yang diberikan kepada mereka yang baru memeluk agama Islam. Saudara baru memerlukan didikan serta bimbingan yang berterusan agar mereka akan sentiasa mendalamai agama Islam dengan baik melalui bimbingan yang secukupnya. Artikel ini adalah untuk melihat perlaksanaan metodologi dakwah bil hikmah terhadap saudara Baru di PERKIM bahagian Melaka. PERKIM bahagian Melaka merupakan salah satu badan dakwah yang telah lama menjalankan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di Melaka sejak tahun 1970. Metode dakwah yang dilaksanakan tanpa pendekatan yang sesuai dengan keadaan sasaran akan menyebabkan dakwah yang disampaikan tidak berkesan dan akan memberi kesan negatif kepada sasaran. Keberkesanan dakwah bil hikmah yang dilaksanakan banyak mendatangkan impak yang positif kepada kefahaman asas Islam di kalangan saudara baru.

**Kata Kunci:** Metodologi Dakwah; Bil Hikmah; Saudara Baru

### ***METHODOLOGY OF DAKWAH BIL HIKMAH AGAINST NEW RELATIVES IN PERKIM MELAKA DIVISION***

### **ABSTRACT**

*The new brother is a title given to those who have recently converted to Islam. New brothers need constant upbringing and guidance so that they will always study Islam well through adequate guidance. This article is to look at the implementation of the methodology of dakwah bill hikmah against the New brothers in the Malacca*

*division. The Malacca division is one of the dakwah bodies that has been carrying out dakwah activities against new brothers in Malacca since 1970. The method of preaching implemented without an appropriate approach to the target conditions will cause the delivered preaching to be ineffective and will negatively affect the target. The effectiveness of the dakwah bill of wisdom implemented has had a positive impact on the basic understanding of Islam among the new brothers.*

**Keywords:** Dakwah Methodology; Bill Hikmah; New Brother

## PENDAHULUAN

Kajian tentang metodologi dakwah kepada saudara baru adalah suatu yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan teori dan praktikal. Metodologi merupakan kaedah atau cara penyampaian mesej dakwah yang berkesan kepada saudara baru ianya juga merupakan elemen penting untuk menjadikan saudara baru dapat melakukan amalan-amalan Islam seterusnya mampu mempertahankan iman dan keislaman mereka.

Dakwah merupakan suatu usaha untuk mengajak manusia kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar serta memberikan peringatan bagi mereka yang laik dan lupa, dakwah juga merupakan kewajiban yang telah difardukan kepada seluruh umat Islam tanpa kecuali menurut kemampuan dan keahlian pada bidangnya masing-masing, membawa berita baik tentang nikmat dunia dan nikmat syurga, memberi peringatan tentang balasan atas amal buruk yaitu kesengsaraan di neraka. Melaksanakan tugas dakwah merupakan puncak kebaikan dan kebahagiaan seperti yang termaktub dalam Firman Allah :

وَمَنْ أَحَسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَىٰ اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنَّمَاٰ مِنَ الْمُسَلِّمِينَ ۖ ۳۳

Maksudnya: “Siapakah yang lebih baik perkataannya selain daripada mereka yang menggunakannya untuk menyeru manusia ke jalan Allah, dan berkata sesungguhnya aku termasuk orang yang muslim”<sup>1</sup>  
(Surah Fushilat: 33)

‘Abd al-Karim Zaydan<sup>2</sup> menjelaskan dengan mengumpamakan pendakwah dengan doktor, pendekatan dakwah dengan cara rawatan, isi dakwah dengan ubat untuk menyembuhkan penyakit dan sasaran dengan pesakit. Beliau menyatakan doktor akan terlebih dahulu mengenal pasti penyakit kemudiannya barulah rawatan dijalankan. Ini adalah merupakan pendekatan yang betul dalam rawatan penyakit. Pendakwah mestilah juga melaksanakan pendekatan yang sama seperti doktor iaitu mengenal pasti penyakit terlebih dahulu kemudian barulah bertindak merawatnya.

<sup>1</sup> Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tesis ini menggunakan terjemahan Tafsir Pimpinan ArRahman. Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010

<sup>2</sup> Abd al-Karim Zaydan (1993), *Usul al-Da'wah*, c. 3. Birut: Mu'assasah al-Risalah, h. 421.

Bukan setakat melihat simptom penyakit dan terus merawat simptom tersebut dengan mengabaikan punca sebenar penyakit.

## SAUDARA BARU

Di Malaysia istilah Saudara baru yang sering digunakan adalah merujuk kepada orang yang baru memeluk Islam atau dikenali juga sebagai *mualaf*. Perkataan *mualaf* berasal daripada bahasa Arab. Kata akarnya ialah *Allafa-yu'allifu-ta'lif*, yang membawa maksud ‘jinak’. Dari sudut bahasa, perkataan *mualaf* didefinisikan sebagai orang-orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru<sup>3</sup>.

Dalam konteks Malaysia, pelbagai istilah digunakan bagi menjelaskan orang-orang non Muslim yang telah memeluk Islam. Antara istilah tersebut ialah saudara baru, saudara kita dan terkini Saudara Muslim. Antara sarjana yang menggunakan istilah ‘Saudara Baru’ dalam penulisan mereka ialah Amran Kasimin<sup>4</sup> dan Anuar Puteh<sup>5</sup>. Manakala istilah Saudara Muslim dalam penulisan Nur Athiroh Masyaa’il Tan & Fariza Md Sham (2009) dan istilah ‘Saudara Kita’ lebih digemari penggunaannya oleh jabatan-jabatan agama negeri seperti Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Dalam Ensiklopedia Islam<sup>6</sup> (2005) memberi penjelasan bahawa Saudara Muslim ialah mereka yang diberi perhatian supaya memeluk Islam atau memperkuatkan keislamannya. Saudara Muslim ialah mereka yang dijinak hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Mereka tergolong dalam lapan asnaf yang berhak menerima bantuan zakat (Kamus Istilah Fiqh, 1997).

## PENDEKATAN DAKWAH RASULULLAH SAW

Allah SWT telah mengajarkan pendekatan dakwah kepada Nabi SAW melalui pelbagai pendekatan namun yang menjadi asas utama segala bentuk pendekatan dakwah ialah pendekatan *al-hikmah*, *al-maw’izah al-hasannah* dan *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan*.

Dakwah yang dijalankan Rasulullah SAW telah mencapai tujuan dan matlamatnya iaitu mengajak manusia yang menyembah berhala kepada manusia yang menyembah Tuhan yang menciptakan manusia serta berjaya merubah kehidupan masyarakat Arab jahiliah ketika itu kepada masyarakat yang Islamik. Bahkan ajaran Islam dengan cepat juga telah tersebar ke Semenanjung Arab dan hampir seluruh penjuru dunia yang dibawa dan dikembangkan oleh para sahabat dan pengikut Rasulullah SAW. Muhammad Natsir menyatakan bahawa kejayaan Rasulullah SAW dalam dakwah adalah hasil daripada dakwah yang bijaksana dan pengurusan yang baik.

Dalam konteks definisi dakwah, Ab. Aziz Mohd. Zin membahagikan kepada enam maksud iaitu:

<sup>3</sup> Kamus Dewan. 2007. Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>4</sup> Amran Kasimin. (1985). *Saudara Baru Cina di wilayah Persekutuan*. Bangi: Penerbit UKM

<sup>5</sup> Anuar Puteh. (2005). *Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru*. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit,

<sup>6</sup> Ensiklopedia Islam (2005)

- Pertama, dakwah membawa maksud ajakan dan seruan. Ia bertujuan untuk mengamalkan ajaran Islam.
- Kedua, dakwah diertikan sebagai penyebaran ajaran Islam supaya penganutnya menghayati ajaran tersebut.
- Ketiga, dakwah yang diertikan sebagai satu ilmu, mengandungi perkara-perkara berkaitan dengan dakwah Islam seperti ilmu metodologi dakwah yang mengandungi kaedah-kaedah dakwah yang sesuai untuk sasarannya, ilmu berkaitan dengan pendakwah dan organisasi dakwah.
- Keempat, dakwah bermaksud sebagai satu program yang mempunyai perancangan yang teliti dalam usaha menarik orang ramai kepada jalan Islam.
- Kelima, dakwah bermaksud usaha membantu manusia kepada kehidupan sempurna dan sejahtera di dunia dan akhirat dengan merangka pembangunan negara dan masyarakat seimbang dari aspek jasmani dan rohani.
- Keenam, dakwah membawa maksud amar makruf dan nahi mungkar, iaitu dakwah yang mengajak kepada melakukan kebaikan dan mencegah melakukan perkara-perkara yang mungkar.<sup>7</sup>

## DAKWAH BIL HIKMAH

*Hikmah* diambil dari kata dasar (*Hakama*) yang bererti memutuskan ketetapan. Al-Hakam diertikan juga dengan al-Qada' iaitu keputusan. Al-Hakim ialah orang yang membuat keputusan. Al-Hakim orang yang mengetahui serta teliti dalam semua perkara."Dikatakan "*Ahkam al-amr*" "diperkemaskan sesuatu", ertinya diteliti dan dihalusi sesuatu itu. "la menjadi bijaksana kerana pengalaman", dikatakan kepada seseorang apabila ia bijak di dalam membuat keputusan.

*Hikmah* diertikan juga dengan adil, berilmu, lemah lembut, kenabian, alQuran dan Injil. Imam Fakhr al-Razi menyebut bahawa hikmah dalam al-Quran datang dalam empat pengertian:-

Pertama Segala nasihat al-Quran, berdasarkan Firman Allah:

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكُم مِّنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةٍ يَعِظُكُم بِهِ ۚ ۲۳۱

Yang bermaksud: "*Dan (kenangkanlah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu kitab (al-Quran) dan ilmu hikmah, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya.*"

Dari segi istilahnya pula hikmah di difinasikan dengan berbagai pengertian seperti berikut:

- i. Tepat dalam berkata-kata dan perbuatan.

<sup>7</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), Pengantar Dakwah Islam, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlmn.4.

- ii. Meletakkan sesuatu tepat pada tempat dan keadaannya.
- iii. Diertikan juga dengan makna sunnah, sebagaimana ditafsirkan oleh Imam al-Syafei, Qatadah, Muqatii, Ibn Hayyan, Abu Malik, al-Hassan serta ramai lagi.
- iv. Ibn Abbas mentafsirkan *hikmah* dengan mengenali al-Quran dan ilmuilmu yang berhubungan dengan *Nasikh* dan *Mansukh*, *Muhkam* dan *Mutasyabih*, yang dahulu dan kemudian halal dan haram dan seumpamanya.
- v. Setiap percakapan yang menepati kebenaran.
- vi. Perkara yang betul dan benar.
- vii. Mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu.
- viii. Syariat dan penjelasan hukum-hukumnya.
- ix. Mengenali agama, memahami serta menghayatinya sebagaimana yang ditafsirkan oleh Imam Malik, Abu Razin dan Ibn Zaid.

Secara mudah, *hikmah* bererti bijaksana. Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu *hikmah* bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak *hikmah* bagi orang lain atau masa yang lain. Maka, *hikmah* berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian.

Apabila cara *dakwah bil-hikmah* ini dapat digunakan oleh pendakwah dengan baik dan betul, maka ia dapat memudahkan pendakwah untuk melakukan gerak kerja menyeru manusia ke jalan Allah SWT. Segala rintangan atau permasalahan yang berlaku dapat dihadapinya dengan tenang dan penuh berhikmah.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kuantitatif dengan memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Metode ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan ‘*nature*’ kajian yang memerlukan kajian mendalam untuk pengumpulan maklumat. Kajian ini dijalankan di PERKIM Bahagian Melaka, salah sebuah pertubuhan dakwah NGO yang telah lama beroperasi di Melaka. Pelbagai strategi dan pendekatan telah dilakukan untuk mencapai matlamat dan tujuan dakwah dengan berlandaskan Al-Quran sebagai panduan.

## DAPATAN KAJIAN

Melalui dapatan yang telah diterima daripada tenaga pengajar yang telah mengajar saudara baru, hasil dapatan menunjukkan tenaga pengajar memberi persepsi bahawa metode dakwah *bil hikmah* memberi keselesaan kepada mereka untuk berdakwah. Hal ini adalah kerana dakwah secara *bil hikmah* memberi banyak kelebihan kepada mereka. Dakwah dengan *hikmah* adalah dakwah dengan ilmu pengetahuan yang berkenaan dengan rahasia, faedah, dan maksud dari wahu Ilahi, suatu pengetahuan yang cukup dari *da'i*, tentang suasana dan keadaan yang meliputi mereka, pandai

memilih bahan-bahan pelajaran agama yang sesuai dengan kemampuan daya tangkap jiwa mereka, sehingga mereka tidak merasa berat dalam menerima ajaran agama Islam dan pandai pula memilih kaedah untuk menyediakan bahan-bahan pengajian itu, sehingga menarik perhatian saudara baru serta mudah menerimanya.

Pendekatan *al-hikmah* merupakan salah satu pendekatan dakwah yang asas dan sangat menarik perhatian sasaran. Ia mempunyai pengertian yang luas. Namun, pengertian yang paling tepat ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya iaitu mengikut kesesuaian sasaran. Pelaksanaan dakwah yang penuh *al-hikmah* itu, pendakwah perlu mempunyai ilmu, kebijaksanaan, kesabaran, keadilan, lemah lembut, kefahaman, kebenaran dan pengalaman sebagai asas untuk membuat sesuatu keputusan yang bersesuaian dan tepat dengan keadaan sasaran. Oleh yang demikian, pendakwah akan dapat memikat hati dan mempengaruhi sasaran.

## **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Antara kepentingan kajian ini ialah:

1. Sebagai panduan dan rujukan bagi saudara baru untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan metode dakwah supaya dapat mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap asas-asas Islam.
2. Sebagai panduan kepada masyarakat Islam yang sedia ada dan memupuk minat serta komitmen berdakwah dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat umum secara amnya dan khususnya kepada saudara baru khususnya di PERKIM Bahagian Melaka.
3. Sebagai bahan rujukan pelbagai pihak dalam perlaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapinya.
4. Untuk kegunaan dan panduan kepada badan-badan NGO di Malaysia yang berminat untuk membantu saudara baru khususnya bagi pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), pihak pentadbiran Islamic Outreach ABIM (IOA), pihak pengurusan Jemaah Islam Malaysia (JIM), pihak pentadbiran Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan pihak Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM).
5. Untuk menambah khazanah keintelektualan dalam bidang dakwah dan juga sebagai bahan rujukan bagi insan akademik yang mempunyai minat dalam bidang penyelidikan khususnya berkenaan dengan bidang dakwah terhadap saudara baru dan non-Muslim.

Hasil dari kajian yang dilakukan ini dapat membantu semua pihak terutama pihak yang terlibat secara langsung dalam menjalankan dakwah terhadap saudara baru khasnya PERKIM bahagian Melaka dan hasil dari dapatan kajian ini akan memantapkan lagi kaedah penyampaian dakwah terhadap saudara baru. Adalah diharap kajian ini dapat membantu golongan saudara baru meneruskan kehidupan sebagai seorang muslim dalam keadaan tenang, aman dan sejahtera iaitu melalui metode berdasarkan *surah an-Nahl* ayat 125. Keseluruhan atau sebahagian masalah

yang dihadapi sama ada berpunca daripada diri sendiri, keluarga, masyarakat, pekerjaan, pembelajaran dan sebagainya bukan lagi menjadi halangan untuk menjadi seorang muslim sejati.

## KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu para *murabbi* (pendakwah) terutamanya di PERKIM bahagian Melaka dalam menyusun kaedah dakwah yang lebih baik dan berkesan dan bersesuaian dengan saudara baru. Artikal ini juga diharapkan dapat membantu memperbaiki kaedah *dakwah* di semua cawangan PERKIM Bahagian Melaka disamping membantu pihak PERKIM untuk mengintegrasikan metodologi *dakwah* yang sedia ada demi untuk mencapai matlamat dan menarik minat saudara baru untuk memahami dan mendalami asas ilmu-ilmu Islam.

## RUJUKAN

- Al-Quran al Karim
- Ab Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd Hisyam Abdul Rahim. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Abdul Ghafar Don (2021). *Pembangunan Kepimpinan Muallaf*. Bangi: Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid Ali & Wan Anuar Yaacob, 2021. Andragogi Pendidikan Islam Muallaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf Di Malaysia*.
- Abdul Halim Tamuri, Baharudin Othman (2021), Sistem Pendidikan Islam Muallaf di Malaysia, *Prosiding Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah*
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. (2017). *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*.
- Amiratul Munirah Yahaya (2021). *Modul Kefahaman Pendidikan Islam Terhadap Muallaf*, Kumpulan Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, BAZNAS.
- Asmawati Suhid et.al, (2021). Pendidikan Muallaf Di Malaysia: Persepsi Guru Dan Muallaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf Di Malaysia*.
- Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2014). *Masjid Dan Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia: Sorotan Awal*.
- Marlon P. Guling. (2016). *Metodologi Dakwah Dr. Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam*.
- PERKIM://www.perkim.net.my/: <https://www.perkim.net.my/media/buku-majalah/>